

17 APR 1982

17/4/82

Mengundi: Pekerja diberikan masa

KUALA LUMPUR, Jumaat — Kakitangan kerajaan termasuk mereka yang bertugas di agensi-agensi kerajaan akan diberi masa keluar membuang undi masing-masing, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri mengumumkan cuti umum tidak akan diisytiharkan pada hari berkenaan kerana "setiap kakitangan diberi

masa mengundi pada hari itu."

Menjawab satu soalan beliau menerangkan kemenangan BN bukan terletak pada seorang dirinya saja tetapi kepada seluruh jentera parti.

"Segelintir saja yang mengundi disebabkan peribadi seseorang itu dan yang lain terletak terhadap usaha kita," tambah beliau.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia